

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PROF. DR. ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK]**

SOALAN :

YB Prof. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah projek Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) yang telah siap. Adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula dasar dan harga projek tersebut supaya ianya dapat dimiliki oleh golongan sasar.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 8,475 unit kediaman PR1MA telah siap dibina iaitu di Presint 11, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Ketil serta Sungai Petani 1 & 2 di Kedah, Alam Damai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Taman Nusantara dan Layangkasa di Johor dan Bagan Serai, Bandar Meru Raya, Kamunting dan Sungai Siput di Perak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6,277 pembeli telah pun selesai menandatangani Perjanjian Jual Beli (*Sales and Purchase Agreement - SPA*). Manakala 8,747 unit kediaman yang lain telah ditempah dan masih berada dalam proses kelulusan pinjaman oleh pihak bank. Setelah selesai proses tersebut, barulah pembeli akan menandatangani SPA.

Berkenaan kajian semula harga kediaman, pada masa ini harga kediaman PR1MA masih kekal di antara RM100,000 – RM400,000 seunit mengikut jenis dan lokasi. Harga ini adalah lebih rendah berbanding harga rumah pasaran di kawasan yang sama. Secara purata ianya adalah 20% lebih rendah berbanding harga rumah pasaran yang mempunyai spesifikasi yang sama.

Berkenaan tahap kemampuan golongan sasaran pula, ianya adalah berbeza mengikut negeri dan kawasan. Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA menjadi panduan untuk mengetahui tahap kemampuan pemohon setempat. Sistem ini juga dapat membantu dalam mengetahui permintaan pemohon bagi sesebuah kawasan.

Bagi membantu golongan sasaran memiliki kediaman PR1MA, satu skim khas telah disediakan. Skim terbaru ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pembeli kediaman PR1MA mendapat akses yang lebih baik dan jumlah pinjaman yang lebih tinggi nilainya. Skim ini dikenali sebagai **Skim Pembiayaan Fleksibel (SPEF)**. Skim tersebut merupakan hasil kerjasama antara Bank Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan 4 institusi kewangan iaitu Maybank, CIMB Bank, RHB Bank dan AmBank.

Melalui SPEF, pembeli yang layak boleh membayar ansuran bulanan pinjaman rumah yang lebih rendah daripada pinjaman biasa. Insyallah dengan pelaksanaan SPEF akan mengalakkan lagi jualan kediaman PR1MA dan meningkatkan pemilikan rumah di kalangan golongan sasaran.